



## MAJLIS BANDARAYA PASIR GUDANG

### JAWATAN KOSONG

Permohonan adalah dipelawa kepada rakyat negeri Johor Darul Ta'zim atau warganegara Malaysia yang berkelayakan untuk memohon jawatan di Majlis Bandaraya Pasir Gudang.

#### A. JAWATAN LANTIKAN:

1. SKIM PERKHIDMATAN	: <b>Pembantu Kesihatan Awam</b>
GRED	: <b>U19</b>
KEKOSONGAN JAWATAN	: <b>Empat (4)</b>
STATUS	: <b>Kontrak</b>
KLASIFIKASI	: <b>Perubatan dan Kesihatan</b>
KUMPULAN PERKHIDMATAN	: <b>Pelaksana</b>
JADUAL GAJI MINIMUM – MAKSIMUM	: <b>RM1,360.00- RM4,052.00</b>
KADAR KENAIKAN GAJI TAHUNAN	: <b>RM100.00</b>

#### 1. SYARAT LANTIKAN :

- i) Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:
  - a) Warganegara Malaysia;
  - b) Berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan; dan
  - c) Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta Sijil Pembantu Kesihatan Awam yang diiktiraf oleh kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.  
**(Gaji permulaan pada Gred U19: RM1,418.12)**

#### 2. SYARAT KELAYAKAN BAHASA MELAYU

Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat SPM atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

#### 3. DESKRIPSI TUGAS

Bertanggungjawab melaksanakan kerja-kerja pengawalan dan pencegahan dalam program kebersihan alam sekeliling, kebersihan dan keselamatan makanan serta kawalan penyakit berjangkit yang berkaitan dengan tugasnya dengan menggunakan kaedah/ pendekatan kesihatan primer (*Control and Prevention & Primary Health Care Approach*).

**B. LATIHAN**

Pegawai boleh dikehendaki mengikuti latihan yang ditetapkan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan yang berkenaan.

**C. PERGERAKAN GAJI TAHUNAN**

Pergerakan Gaji Tahunan adalah tidak automatik dan akan ditetapkan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan berdasarkan prestasi perkhidmatan.

**D. PEMBERIAN ELAUN DAN KEMUDAHAN :**

- i) Imbuhan Tetap Perumahan
- ii) Imbuhan Tetap Khidmat Awam
- iii) Bantuan Sara Hidup

**E. CARA MEMBUAT PERMOHONAN :**

Permohonan adalah secara *online* melalui laman web [www.mbgov.my](http://www.mbgov.my). Semua dokumen hendaklah dimuat naik sebagaimana berikut :-

- i. Ringkasan latar belakang pendidikan, pekerjaan dan penglibatan luar (*Resume*)
- ii. Salinan Kad Pengenalan dan Salinan Sijil Lahir
- iii. Salinan Sijil-Sijil Akademik
- iv. Salinan Sijil Berhenti Sekolah
- v. Salinan Lesen Memandu
- vi. Gambar Warna Berukuran Passport
- vii. Salinan semakan Pengiktirafan Kelayakan dari JPA melalui laman web interaktif <http://www2.mqa.gov.my/esisraf/kelayakan.cfm> (Sijil/ Diploma/Ijazah);

**TARIKH TUTUP PERMOHONAN : 14 NOVEMBER 2022**

- i) Permohonan daripada calon yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan atau Badan Berkunun atau Pihak Berkuasa Tempatan hendaklah dibuat melalui Ketua Jabatan dengan menyertakan salinan kenyataan perkhidmatan yang dikemaskini dan 3 laporan penilaian prestasi tahunan yang terakhir sepelepasnya mengikut peraturan 17 Bab A Tahun 2005 dibawah peraturan-peraturan Pegawai Awam (Pelantikan, Kenaikan Pangkat, dan penamatkan Perkhidmatan).

- ii) Hanya calon yang layak untuk ditemuduga sahaja akan dihubungi. Permohon-pemohon yang tidak menerima sebarang jawapan selepas tempoh 6 bulan dari tarikh iklan ditutup hendaklah menganggap permohonan mereka tidak berjaya. Segala perbelanjaan kerana menghadiri temuduga adalah ditanggung oleh calon sendiri.

#### **F. PERMOHONAN YANG AKAN DITOLAK:**

- i) Permohonan yang **tidak disertakan dokumen yang lengkap**
- ii) Tidak mengemukakan permohonan melalui Ketua Jabatan bagi kakitangan Kerajaan
- iii) Permohonan yang diterima **selepas tarikh tutup iklan**
- iv) Pemohon **tidak memenuhi/ tidak menepati syarat-syarat lantikan** jawatan yang diiklankan
- v) Tidak **menyertakan gambar passport** berwarna
- vi) Mempunyai **hubungan keluarga terdekat** dengan warga kerja MBPG

  
**DATO' ASMAN SHAH BIN ABD. RAHMAN**  
Datuk Bandar Pasir Gudang

Tarikh : 2/11/2022  
Rujukan : MBPG:JKP/SM/2/21 Jld 2 ( 6 )

 Folder : jawatankosong/2022/u19